

Majlis Pelancaran Program SUMUR Mentor Mentee SMK Taman Perumahan Bedaun 2022



LABUAN, 25 April – SMK Taman Perumahan Bedaun telah menjayakan Majlis Pelancaran Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) dan Mentor Mentee bagi tahun 2022.

Majlis yang dianjurkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling SMK TPB dan Panitia Pendidikan Islam ini dilaksanakan pada perhimpunan rasmi sekolah mengikut norma baharu. Turut hadir bersama dalam majlis ini ialah barisan pentadbir SMK Tmn Perumahan Bedaun.

Program SUMUR yang bermula pada tahun 2017 ini merupakan arahan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermatlamat melahirkan murid yang memiliki personaliti terpuji dan boleh dicontohi oleh murid lain, memupuk

perasaan cintakan ilmu untuk kebahagiaan dunia dan akhirat, menerapkan nilai jati diri dan berusaha meningkatkan daya kepimpinan dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Terdapat empat Modul utama dalam Program SUMUR iaitu Modul Mutadayyin, Modul Berbudi Bahasa, Modul Jati Diri dan Modul Penampilan Diri. Kesemua Modul ini merangkumi semua aktiviti yang dijalankan oleh sekolah dan murid-murid akan dinilai permakahan oleh guru-guru sepanjang tahun.

Puan Norazita Md Nor @ Shamsuri, selaku pengetua SMK TPB dalam ucapannya menyatakan pembentukkan sahsiah dan disiplin yang positif adalah penting dalam melahirkan generasi berakhlak terpuji.

Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi meningkatkan sahsiah dan keterampilan diri yang positif dalam kalangan murid agar dapat mencegah mereka daripada gejala yang tidak sihat yang mungkin akan menjejaskan masa depan mereka.

Beliau juga mengingatkan agar pelaksanaan program SUMUR dan Mentor Mentee sekolah ini dapat dijalankan dengan sebaiknya agar berjaya memperkasakan potensi dan kemenjadian murid sekolah ini.

Majlis Pelancaran Program SUMUR dan Mentor Mentee telah disempurnakan oleh pengetua dengan acara memotong reben banting program SUMUR dan penyerahan Modul Mentor Mentee oleh Encik Awang Adi Tuah, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid kepada Puan Norazita Md Nor @ Shamsuri, Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun sebagai simbolik perasmian tersebut.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



MERASMIKAN : Puan Norazita Md Nor @ Shamsuri, Pengetua SMK TPB menandatangani banting Program SUMUR dan Mentor Mentee